

**Majlis Tertinggi UMNO bincang
pergolakan politik dan ekonomi**

Pilihanraya:

Mahathir

Renungan

JANGAN anda jadi pemaarah, dan bagimu syurga. — Maksud Al-Hadis riwayat Al-Tabrani.

diberi mandat

UM 20 NOV 1985

KUALA LUMPUR 19

Nov. — Majlis Tertinggi UMNO malam tadi telah memberi mandat penuh ke-

Oleh
Zin Mahmud

pada Presidennya, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad untuk menentukan tarikh pilihanraya umum akan datang.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau akan menentukan tarikh pilihanraya umum pada bila-bila masa yang difikirkan elok dan sesuai.

Bercakap di sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO tengah malam tadi, Perdana Menteri memberitahu, selama tiga jam bermesyuarat, majlis itu juga membincangkan tentang strategi menghadapi pilihanraya umum.

Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO itu merupakan mesyuaratnya yang terakhir diadakan di Bangunan Ibu Pejabat UMNO lama di sini. Mesyuarat - mesyuarat akan datang akan diadakan di Kompleks UMNO.

Di awal persidangan akhbar itu, Datuk

Sri Dr. Mahathir telah menerima sekeping cek bernilai \$50,000 dari UMNO Johor yang disampaikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Shahrir Samad sebagai sumbangan bagi belanja pembinaan Kompleks UMNO.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, Majlis Tertinggi UMNO telah membincangkan soal-soal pergolakan politik dan ekonomi dalam negara yang mempunyai hubungan dengan pilihanraya.

Krisis MCA

Presiden UMNO itu bagaimanapun memberitahu, Majlis Tertinggi tidak membuat sebarang kesimpulan berhubung dengan krisis MCA dan masalah di Sabah kerana perbincangan adalah sekadar bertukar-tukar pandangan.

Beliau bagaimanapun menyifatkan pergolakan - pergolakan itu sebagai negatif.

Katanya, Majlis Tertinggi UMNO juga tidak membincangkan langkah-langkah yang perlu dilakukan sekiranya MCA terkeluar dari Barisan Nasional kerana soal tersebut adalah untuk Barisan Nasional memutuskan sendiri.

Mengenai pemilihan pu-cuk pimpinan MCA dalam persidangan agung parti itu Ahad ini, beliau menegaskan, sebarang keputusan pemilihan merupakan keputusan parti itu dan UMNO tidak campur tangan dalam urusan mereka.

Tentang Sabah pula, katanya, soal siapakah ketua menteri yang sebenar masih dalam perbincangan mahkamah dan perkara itu perlu selesai sebelum mengambil sebarang pandangan mengenai-

Majlis Tertinggi kata Datuk Sri Dr. Mahathir, banyak juga membincangkan tentang soal ekonomi negara dan mengambil pandangan bahawa kerjasama kerajaan negeri dan Pusat adalah penting serta perkara itu akan diberi sokongan.

Sehubungan itu, menurut beliau, soal tanah dan perumahan di peringkat negeri yang tergendala dan ini mengakibatkan rancangan di peringkat pusat juga turut tergendala.

Mengenai hal dalam parti, Majlis Tertinggi UMNO, kata Perdana Menteri telah memutuskan bahawa perayaan sambutan ulangtahun ke-40 penubuhan UMNO pada tahun depan akan diadakan secara besar-besaran di Johor.